

15/09/2001

PKS wajar menggunakan nama baik Malaysia

Azmi Md Deros

PERUSAHAAN kecil dan sederhana (PKS) tempatan disaran mengambil kesempatan daripada pengiktirafan Dunia Ketiga yang menjadikan Malaysia contoh dalam pelbagai bidang, dengan merebut peluang perniagaan dan pelaburan.

Setiausaha Agung Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM), Tan Sri Soong Siew Hong, berkata berdasarkan lawatan dewan itu ke beberapa negara ketiga, kerajaan dan usahawan mereka amat kagum dengan komitmen Malaysia memajukan sektor perindustrian dan perdagangan.

Komitmen itu, katanya, mendorong pelabur negara terbabit menaruh kepercayaan yang tinggi terhadap kemampuan PKS tempatan dalam pelbagai urusan perdagangan dan pelaburan.

"Di banyak negara Dunia Ketiga yang kita lawati, pelabur mereka amat yakin dengan kemampuan usahawan Malaysia untuk dijadikan rakan kongsi pelaburan atau rakan dagang.

"Kita sudah mempunyai imej yang baik di mata mereka dan kesempatan itu perlu digunakan oleh PKS meneroka pasaran yang amat memerlukan bantuan kita memajukan industri mereka," katanya di Ipoh, petang kelmarin.

Soong berkata, imej baik itu dibawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang gigih memperjuangkan nasib Negara Ketiga, sekali gus menjadikan Malaysia 'rujukan' di kalangan negara terbabit meliputi pelbagai aspek.

Katanya, jalinan kerjasama itu amat baik dalam meningkatkan perhubungan dagang kerana Malaysia mempunyai banyak kelebihan, termasuk teknologi dan kepakaran yang tinggi manakala negara berkenaan mempunyai sumber bahan mentah.

"ACCCIM mendapati banyak PKS tempatan belum menyedari peluang berkenaan dan mereka perlu merebutnya segera agar dapat bersaing di pasaran global yang semakin mencabar," katanya.

Soong berkata, lawatan dewan itu ke Iran dan Sri Lanka baru-baru ini mendapati banyak peluang di sana.

"Ketika ini 60 peratus daripada barang Malaysia yang dibawa masuk ke Iran melalui Dubai dan jika kita boleh mengadakan hubungan dagang terus, potensi eksport adalah besar kerana negara itu mempunyai lebih 63 juta rakyat," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, kebanyakan negara Asia Barat dan Afrika yang kini bergantung kepada Eropah, berminat mengimport barangan negara ini kerana yakin mutunya setanding dan harganya murah.

Katanya, ACCCIM juga menggalakkan PKS membuat hubungan dagang secara terus dengan negara terbabit tanpa orang tengah supaya ia lebih menguntungkan.

"Ketika ini banyak produk PKS dieksport melalui negara jiran yang mana ia menguntungkan orang tengah kerana ekonominya berkembang disebabkan urusan eksport turut menjana sektor pengangkutan, perkapalan, insurans dan pembungkusan.

"Sehubungan itu, PKS perlu menyertai ACCCIM yang kini aktif mencari peluang baru," katanya.

Beliau berkata, awal tahun depan ACCCIM akan mengadakan misi perdagangan dan pelaburan ke Pakistan dan Bangladesh, manakala bulan depan akan diadakan seminar menarik usahawan Taiwan memajukan sektor pertanian dan makanan.

(END)

